

Bagi mengeratkan silaturahim serta interaksi sesama pelajar-pelajar baharu dan pelajar-pelajar lama Program Matematik dengan Grafik Berkomputer, kelab pelajar MCG iaitu Graphics And Mathematics Association (GAMmA) telah menganjurkan MCG Interaction Day pada 9 November 2014 bertempat di Pantai Teluk Likas, Kota Kinabalu bermula pukul 3 petang. Program ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa Fakulti Sains dan Sumber Alam, Prof. Madya Dr. Abdullah Bade bersama para pensyarah Program MCG yang lain. Bagi mencapai objektif yang telah digariskan, pelbagai aktiviti sukaneka telah diadakan. Sambutan hari lahir beberapa orang pelajar MCG juga turut diraikan. Majlis diakhiri dengan jamuan makan dan sesi bergambar. Semoga interaksi sesama pelajar dan pensyarah akan terus akrab pada masa akan datang.

Hari Interaksi MCG 2014

Penulis:
ARIF MANDANGAN